

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2013

	Nota	2013 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	5	732,247
ASET SEMASA		
Pelbagai Penghutang		29,141
Deposit Dan Prabayar		12,868
Tunai Dan Baki Bank		4,955,881
		4,997,890
LIABILITI SEMASA		
Pelbagai Pemiutang		53,701
Perbelanjaan Terakru		154,798
		208,499
ASET SEMASA BERSIH		4,789,391
		5,521,638
DIBIAYAI OLEH:		
Kumpulan Wang Pengurusan	6	3,872,062
Kumpulan Wang Khas	6	1,028,738
Pendapatan Tertunda	7	620,838
		5,521,638

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013**

	Nota	2013 RM
PENDAPATAN		
Pemberian Kerajaan	8	8,957,754
Pelbagai Pendapatan	9	522,346
		<hr/> 9,480,100 <hr/>
PERBELANJAAN		
Emolumen	10	1,316,235
Pelbagai Perbelanjaan	11	3,806,269
Susut Nilai	5	485,534
		<hr/> 5,608,038 <hr/>
LEBIHAN PENDAPATAN		<hr/> 3,872,062 <hr/>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

PKB 2013	Kumpulan Wang Pengurusan RM	Kumpulan Wang Khas RM	Pendapatan Tertunda RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 April 2012	-	-	-	-
Geran Kerajaan	8,957,754	-	1,042,246	10,000,000
Peruntukan Khas Daripada Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Agensi Kerajaan	-	1,938,000	-	1,938,000
Aset Pemberian Kementerian Wilayah Persekutuan	-	-	19,513	19,513
Pendapatan Lain	522,346			522,346
	9,480,100	1,938,000	1,061,759	12,479,859
(-) Perbelanjaan	(5,608,038)	(909,262)	-	(6,517,300)
Pelunasan	-	-	(440,921)	(440,921)
Baki Setakat 31 Disember 2013	3,872,062	1,028,738	620,838	5,521,638

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

	2013 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI	
Lebihan Pendapatan	3,872,062
Pelarasan Untuk:	
Pelunasan Pendapatan Tertunda	(440,921)
Susut Nilai	485,534
Pendapatan Dari Aktiviti Operasi Sebelum Perubahan Kepada Modal Kerja	3,916,675
Perubahan Dalam Modal Kerja:	
(Pertambahan) Pelbagai Penghutang	(29,141)
(Pertambahan) Deposit Dan Prabayar	(12,868)
Pertambahan Pelbagai Pemiutang	53,701
Pertambahan Perbelanjaan Terakru	154,798
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI	4,083,165
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN	
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	(1,198,268)
TUNAI BERSIH (DIGUNA) UNTUK AKTIVITI PELABURAN	(1,198,268)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN	
Kumpulan Wang Khas	1,028,738
Pendapatan Tertunda	1,042,246
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN	2,070,984
PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	4,955,881
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 APRIL 2012	-
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER 2013	4,955,881
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:	
Baki Bank	4,952,881
Wang Tunai Di Tangan	3,000
	4,955,881

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

1. MAKLUMAT PERBADANAN

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah ditubuhkan sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang diperbadankan di bawah Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2011 (Akta 733) pada 1 April 2012. Aktiviti utamanya ialah melaksanakan dasar, arahan dan strategi berhubung dengan pembangunan di dalam kawasan Pembangunan Kampong Bharu mengikut pelan struktur dan pelan tempatan yang disediakan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). PKB telah diberi tanggungjawab sepenuhnya sebagai agensi penyelaras, pemudahcara dan penggerak utama dalam memperkasakan semula pembangunan Kampong Bharu.

Sebelum PKB beroperasi sepenuhnya pada 1 September 2012, pasukan interim PKB telah ditubuhkan mulai 24 Februari 2012 sehingga 31 Ogos 2012 bagi merancang, menyelaras dan melaksanakan segala urusan yang berkaitan dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu seperti merangka struktur organisasi Perbadanan, mengurus pelantikan anggota Perbadanan, Majlis Penasihat dan pekerja Perbadanan serta menentukan kaedah pengurusan kewangan, sumber manusia dan perkara yang berkaitan dengan Akta Tubuh PKB iaitu Akta 733.

2. PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) telah dibentangkan dan diluluskan secara edaran oleh anggota Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu pada 14 Julai 2014.

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi Pengurusan Risiko Kewangan bagi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu adalah untuk memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk membiayai pelaksanaan aktiviti Perbadanan untuk mencapai objektifnya disamping menguruskan risikonya.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

4.1 Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS) iaitu Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu telah disediakan mengikut asas kos sejarah.

4.2 Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan

Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan diambil kira berasaskan prinsip akruan kecuali hibah secara tunai.

4.3 Pemberian Kerajaan

Pemberian kerajaan dalam bentuk Geran Mengurus diakaunkan dalam Penyata Pendapatan apabila diterima.

Geran Pelancaran berkaitan perolehan aset dilunaskan sebagai pendapatan di dalam Penyata Pendapatan secara tahunan dengan bakinya di klasifikasi dalam ekuiti sebagai pendapatan tertunda. Pendapatan diakaunkan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan aset tersebut sejajar dengan kehendak piawaian perakaunan MASB 31.

4.4 Hartanah, Loji Dan Peralatan

4.4.1 Pengiktirafan Dan Nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susut nilai dan penjejasan nilai aset terkumpul, sekiranya ada. Pembelian bagi hartanah dan peralatan bernilai RM1,000 ke atas akan dipermodalkan di Lembaran Imbangan.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset tersebut dan kos-kos lain yang terlibat secara langsung dalam membawa aset kepada keadaan sedia guna bagi tujuan kegunaan aset tersebut dan kos-kos meroboh, memindah dan mengembalikan keadaan asal tempat di mana aset itu berada.

4.4.2 Kerugian Penjejasan

Polisi untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian terjejas akan diperuntukkan jika nilai bawaan aset melebihi nilai diperoleh seperti di Nota 4.5 - Penjejasan Aset.

4.4.3 Kos Selepasnya

Kos untuk menggantikan sebahagian daripada item hartanah dan peralatan diiktiraf di dalam nilai bawaan item tersebut jika kos penggantian berkemungkinan besar membawa faedah ekonomi masa hadapan kepada PKB dan kosnya boleh dinilai dengan objektif. Nilai bawaan bahagian yang diganti tersebut akan dikeluarkan. Kos penyenggaraan bulanan hartanah dan peralatan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sebaik ianya ditanggung.

4.4.4 Susut nilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul. Susut nilai diiktiraf pada tahun pembelian dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan.

Kenderaan	20.0% setahun
Perabot, Peralatan Pejabat/Kelengkapan	20.0% setahun
Komputer dan Perkakasan ICT	33.3% setahun

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Nilai sisa bersih, jangka hayat dan kaedah susut nilai aset disemak semula dan diselaraskan pada setiap tarikh Lembaran Imbangan untuk memastikan keseragaman amaun, kaedah dan tempoh susut nilai dengan anggaran sebelumnya. Nilai sisa bersih setiap hartanah dan peralatan hendaklah tidak kurang daripada RM1.00.

4.4.5 Pelupusan

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atau pelupusan, jika ada, dengan nilai dibawa aset berkenaan adalah diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan.

4.5 Penjejasan Aset

Aset yang tidak mempunyai jangka hayat adalah tidak tertakluk kepada pelunasan tetapi disemak untuk menentukan keperluan penjejasan setiap akhir tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai bawaan berkemungkinan tidak akan diperolehi. Jika jelas terdapat tanda-tanda penjejasan aset, nilai aset boleh direalisasi dianggarkan untuk menentukan amaun kerugian terjejas.

Kerugian terjejas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan apabila nilai bawaan aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna. Jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan kerugian terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke akaun Lebihan Penilaian Semula di Lembaran Imbangan.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

4.6 Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank. Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

4.7 Kumpulan Wang Khas

Kumpulan Wang Khas merupakan peruntukan khas yang diterima daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi Kerajaan bagi tujuan khusus.

4.8 Pendapatan Tertunda

Pendapatan tertunda adalah berkaitan dengan Geran Pelancaran yang diterima daripada Kerajaan yang telah dibelanjakan untuk pembelian aset tetap. Aset pemberian Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga diiktiraf sebagai pendapatan tertunda.

4.9 Manfaat Pekerja

Upah, gaji, elaun, imbuhan tahunan dan sumbangan berkanun serta manfaat lain seperti faedah perubatan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberi oleh pekerja Perbadanan.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

PKB	KENDERAAN	PERABOT, PERALATAN PEJABAT/KELENGKAPAN	KOMPUTER DAN PERKAKASAN ICT	JUMLAH
	RM	RM	RM	RM
<u>Kos</u>				
Pada 1 April 2012	-	-	-	-
Penambahan	375,075	603,079	239,627	1,217,781
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2013	375,075	603,079	239,627	1,217,781
<u>Susut Nilai Terkumpul</u>				
Pada 1 April 2012	-	-	-	-
Caj Bagi Tahun Semasa	150,030	228,106	107,398	485,534
Pelarasan/Pelupusan	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2013	150,030	228,106	107,398	485,534
<u>Nilai Bawaan</u>				
Pada 31 Disember 2013	225,045	374,973	132,229	732,247

Pada 15 Februari 2013, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memberikan aset untuk kegunaan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu yang bernilai RM19,513 yang terdiri daripada perabot, peralatan pejabat/ kelengkapan berjumlah RM10,193 dan komputer dan perkakasan ICT berjumlah RM9,320. Aset ini telah dinilai oleh pihak Perbadanan pada nilai bawaan bagi setiap aset. Pada 31 Disember 2013, nilai bawaan aset pemberian KWP adalah berjumlah RM14,368.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

6. KUMPULAN WANG

PKB	2013
	RM
KUMPULAN WANG PENGURUSAN	
Pendapatan:	
Pemberian Kerajaan	8,957,754
Pelbagai Pendapatan	522,346
	9,480,100
(-) Perbelanjaan	
Emolumen	(1,316,235)
Pelbagai Perbelanjaan	(3,806,269)
Susut nilai	(485,534)
	(5,608,038)
Lebihan Pendapatan	3,872,062
Baki pada 1 April 2012	-
Baki pada 31 Disember 2013	3,872,062

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

6. KUMPULAN WANG (SAMB.)

PKB	PROGRAM PENGURUSAN KOMUNITI WILAYAH	PROGRAM PENGURUSAN PERBANDARAN	PEMBERIAN KHAS WP- SUMBANGAN TANAH MENDAP	PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA KG BHARU	JOINT PROGRAM BERSAMA MEDIA	JUMLAH
KUMPULAN WANG KHAS	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pendapatan:						
Pemberian Kerajaan	1,000,000	650,000	58,000	200,000	30,000	1,938,000
Pelbagai Pendapatan	-	-	-	-	-	-
	1,000,000	650,000	58,000	200,000	30,000	1,938,000
(-) Perbelanjaan						
Emolumen	-	-	-	-	-	-
Pelbagai Perbelanjaan	(459,745)	(415,617)	(33,900)	-	-	(909,262)
Susut nilai	-	-	-	-	-	-
	(459,745)	(415,617)	(33,900)	-	-	(902,262)
Lebihan Pendapatan	540,255	234,383	24,100	200,000	30,000	1,028,738
Baki pada 1 April 2012	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2013	540,255	234,383	24,100	200,000	30,000	1,028,738

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

7. PENDAPATAN TERTUNDA

	2013 RM
Pendapatan Tertunda	1,061,759
Tolak: Pelunasan Pendapatan Tertunda	(440,921)
Pendapatan Tertunda Selepas Pelunasan	620,838

8. PEMBERIAN KERAJAAN

	2013 RM
Geran Pelancaran PKB	3,957,754
Geran Mengurus	5,000,000
	8,957,754

9. PELBAGAI PENDAPATAN

	2013 RM
Hibah Bank	80,475
Jualan Dokumen Sebut Harga	950
Pelunasan Pendapatan Tertunda	440,921
	522,346

10. EMOLUMEN

	2013 RM
Gaji Kakitangan	785,136
Elaun Tetap	286,940
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	130,018
Elaun Lebih Masa	20,639
Pelbagai Faedah Kewangan	29,752
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Khas Kewangan	63,750
	1,316,235

Bilangan pekerja Perbadanan pada 31 Disember 2013 adalah seramai 19 orang.

PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPONG BHARU
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMB.)
BAGI TEMPOH 1 APRIL 2012 HINGGA 31 DISEMBER 2013

11. PELBAGAI PERBELANJAAN

	2013 RM
Perjalanan dan Penginapan	117,850
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	202,222
Kos Pengangkutan	1,050
Utiliti	87,643
Sewaan	569,341
Pembaikan dan Penyelenggaraan	593,062
Perkhidmatan Profesional dan Sokongan	1,308,667
Yuran Audit	26,623
Elaun Anggota Perbadanan	492,453
Sumbangan / Hadiah / Derma	407,358
	<hr/> 3,806,269 <hr/>

12. ANGKA PERBANDINGAN

Tiada angka perbandingan disebabkan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu mula diwartakan pada 1 April 2012.